

Petani rugi ternakan musnah

Kebun, kolam ikan ditenggelami air disumbang faktor parit terbiar

SABAK BERNAM – Hujan berterusan sejak malam kelmarin sehingga jam 10 pagi semalam, ditambah dengan keadaan parit utama dari Simpang Tiga Tebuk Haji Nor menghala ke kunci air Bagan Sungai Pulau yang dipenuhi rumput menyebabkan air melimpah masuk ke kebun dan halaman rumah beberapa penduduk di situ.

Penduduk, Md Wanazir Marimun, 54, berkata, hujan berterusan dan parit yang penuh menyebabkan air hujan melimpah masuk ke kebun dan kolam ternakan ikan air tawarnya.

“Pagi-pagi lagi saya ke kebun dan melihat kolam ikan dipenuhi air separas dengan kebun yang ditenggelami air. Habis ikan yang ditenak hilang mengikut limpahan air. Ada juga ikan yang berada di atas da-



■ Wanazir menunjukkan sebahagian ikan yang berjaya diselamatkannya.

rat dan apabila dikutip beratnya sekitar dua kilogram sahaja, yang lain hilang entah ke mana.

“Memang tidak pulang modal bila ikan yang ditenak hanyut begitu saha-

ja, rasa serik hendak mem-bela ikan lagi dan mungkin ini yang terakhir. Bukan apa, sudah dua kali perkara ini berlaku. Kali pertama, separuh daripada ternakan ikan saya habis, dan saya ti-

dak mampu menghadapi-nya sekali lagi,” katanya.

Difahamkan, dia terpaksa menanggung kerugian sekitar RM2,000 apabila ikan-ikan itu hilang bersama limpahan air.

Menurutnya, turut menjadi mangsa keadaan, ternakan ayamnya. Ada sebahagiannya yang terperangkap dalam banjir dan sebahagiannya dapat pergi ke tempat yang lebih tinggi.

“Nanti saya akan ambil ayam yang terperangkap dalam banjir untuk di bawa ke tempat tinggi. Kalau hendak tunggu air surut, dalam keadaan begini, mungkin tiga minggu lagi,” katanya.

Md Wanazir mendakwa, limpahan air yang berlaku adalah berpunca daripada parit utama dari Simpang Tiga Tebuk Haji Nor menghala ke kunci air Bagan Sungai Pulau yang tidak dibersihkan.

“Seingat saya, kali terakhir dikorek sama ada pada Jun atau Julai 2010 lalu, kini rumput sudah

mulai panjang memenuhi parit. Jadi apabila hujan lebat, air tidak dapat mengalir dengan baik.

“Kalau parit ini sudah dibersihkan dan dikorek tentu masalah ini tidak timbul. Tetapi, jika parit sudah dibersihkan dan masalah tetap berlaku, kita tidak akan mempertikaikannya,” katanya.

Dia berharap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberikan perhatian terhadap permasalahan ini dan menyelesaikannya secepat mungkin dengan memantau kerja pembersihan parit secara berjadual.

“Ini bukan masalah saya seorang, tetapi menjadi masalah kebanyakan mereka di sini, tetapi masing-masing tidak mahu bersuara dan lebih suka berdiam,” katanya kepada *Sinar Harian*.